

28/10/1997

#### Lawatan PM ke Slovenia kukuh hubungan perdagangan

Karim Sulaiman in Ljubljana (Slovenia)

LJUBLJANA (Slovenia), Isnin - Hubungan dua hala Malaysia-Slovenia, terutama dalam bidang perdagangan bertambah kukuh dengan lawatan rasmi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu, mulai hari ini.

Perdana Menteri yang melawat Slovenia selama tiga hari berakhir Rabu ini, membawa 25 ahli perniagaan Malaysia yang diketuai Pengerusi dan Ketua Eksekutif Penerbangan Malaysia, Tan Sri Tajuddin Ramli untuk meneroka peluang perniagaan dan perdagangan lebih luas dengan negara berkenaan.

Malaysia dan Slovenia mempunyai hubungan perdagangan dua hala yang baik sejak 1992.

Pada 1992, perdagangan Malaysia-Slovenia adalah AS\$10.5 juta (RM32.5 juta).

Jumlah itu meningkat kepada AS\$28.6 juta (RM88.66 juta) pada 1996.

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini, perdagangan Malaysia-Slovenia adalah AS\$21.72 juta (RM67.33 juta).

Jumlah itu dijangka meningkat akhir tahun ini dan tahun akan datang apabila beberapa kerjasama perdagangan dimeterai dalam pertemuan ahli perniagaan Malaysia dan Slovenia di sini.

Gas dan bekalan elektrik adalah eksport utama Slovenia ke Malaysia.

Tahun lalu, eksport bahan itu ke Malaysia AS\$1.25 juta (RM3.88 juta) atau 37.5 peratus daripada keseluruhan eksport Slovenia ke Malaysia.

Ini diikuti bahan perubatan, kertas, bahagian kenderaan motor, kepingan aluminium, peralatan elektro mekanikal, perkakas elektrik, kertas cetak, cerut dan peralatan mesin.

Import utama Slovenia dari Malaysia pula ialah getah asli yang bernilai AS\$12.05 juta (RM37.36 juta) atau 47.6 peratus daripada eksport Malaysia ke negara itu pada tahun lalu.

Ini diikuti mesin automatik memproses data, peralatan penerimaan komunikasi, kereta, litar elektrik bersepadu, alat perakam video dan kasut.

Dalam tempoh enam tahun, nilai eksport Malaysia ke Slovenia lebih tinggi berbanding import dari negara itu.